



---

## **PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 6 TAHUN 2020**

---

### **PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI MENGGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan memberikan pelarasan gaji ke gaji permulaan bagi menggantikan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) kepada pegawai dalam skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan yang memiliki kelayakan akademik lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. HPG diperkenalkan pada 1 Oktober 1993 di bawah pelaksanaan Sistem Saran Baru (SSB) yang bertujuan mengatasi masalah pelangkuan gaji di gred lantikan. HPG dilaksanakan melalui peraturan-peraturan berikut :

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1994;
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1995;
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995;
- iv. perenggan 10, Surat Edaran JPA(S)324/6/43 Klt.3 (58) bertarikh 2 Disember 1995;
- v. perenggan 15, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006;
- vi. perenggan 10, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2005; dan
- vii. perenggan 27, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007.

3. Semenjak HPG dilaksanakan, pelbagai penambahbaikan dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap skim-skim perkhidmatan antaranya perubahan syarat lantikan dan gred jawatan. Selain itu, pelbagai kemudahan dan faedah dalam perkhidmatan telah disediakan Kerajaan untuk pegawai awam. Justeru, Kerajaan berhasrat untuk merasionalisasikan dasar dan pelaksanaan HPG sedia ada.

## DASAR BAHARU

4. Kerajaan telah membuat ketetapan supaya pemberian HPG digantikan dengan pelaksanaan pelarasan gaji ke gaji permulaan kepada pegawai lantikan tetap yang memiliki kelayakan akademik yang lebih tinggi di gred lantikan bagi skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan.

5. Pemberian pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat skim perkhidmatannya.

## TAFSIRAN

6. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**“gaji akhir”** bermaksud gaji yang telah mengambil kira Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada tahun pegawai memperoleh kelayakan lebih tinggi.

**“tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi”** bermaksud tarikh rasmi keputusan kelayakan diluluskan oleh pihak berkuasa institusi pengajian tinggi berkenaan.

## PELAKSANAAN

7. Pemberian pelarasan gaji ini diperuntukkan kepada skim-skim perkhidmatan berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Gred
1.	Pensyarah Universiti	DS45
2.	Pegawai Penyelidik	Q41
3.	Pegawai Psikologi	S41
4.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41

8. Pelaksanaan pelarasan gaji ini diberikan mengikut kelayakan akademik seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatan berkenaan.
9. Pegawai yang gajinya belum melepas gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang diperoleh, layak menerima pelarasan gaji mengikut keadaan seperti yang berikut:
- (a) jika gaji akhir pegawai belum melepas gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi dan pegawai telah mendapat PGT, maka pegawai diberi pelarasan gaji ke gaji permulaan tersebut. Amaun pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatannya. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran A**; atau
  - (b) jika gaji pegawai belum melepas gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi dan pegawai belum mendapat PGT, maka PGT pegawai hendaklah diawalkan ke tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi tersebut dan sekiranya selepas diberikan PGT -
    - (i) gaji akhir pegawai masih belum melepas gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, pegawai diberi pelarasan gaji ke gaji permulaan tersebut. Amaun pelarasan gaji adalah berdasarkan perbezaan gaji akhir pegawai dengan gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatannya. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran B**; atau
    - (ii) gaji akhir pegawai telah melepas gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, maka tiada pelarasan gaji diberikan. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C**.
  - (iii) PGT yang diawalkan dalam keadaan di perenggan 9(b)(i) dan 9(b)(ii) hanya dilaksanakan pada tahun pegawai memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi tersebut sahaja. PGT pegawai hendaklah kekal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal pada tahun-tahun berikutnya. Pemberian PGT adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).

10. Pegawai yang gaji akhirnya sama atau telah melebihi gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi, maka pegawai tidak layak diberikan apa-apa pelarasan gaji. Contoh situasi pegawai adalah seperti di **Lampiran D**.

## **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

11. Pegawai hendaklah mengemukakan salinan transkrip penuh keputusan pengajian dan surat pengesahan tamat pengajian kepada Jabatan Sumber Manusia (JSM), UMT selewat-lewatnya enam (6) bulan daripada tarikh memperoleh kelayakan akademik lebih tinggi.

## **TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR**

12. Pendaftar hendaklah bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan pelarasan gaji ke gaji permulaan kelayakan akademik lebih tinggi serta memastikan urusan berkaitan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

13. Kelulusan pelarasan gaji hendaklah dicatatkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

## **KEKECUALIAN**

14. Pegawai yang sedang dalam pengajian, telah mendapat tawaran pembiayaan pengajian atau tawaran pengajian sebelum 1 Januari 2020 akan mengguna pakai dasar sedia ada sebelum berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini. Contoh pemberian HPG adalah seperti di **Lampiran E**.

## **PEMBATALAN**

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka peraturan- peraturan berikut adalah dibatalkan kecuali bagi pegawai yang dijelaskan di perenggan 14 di atas:

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1994;
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1995;
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995;

- iv. perenggan 10, Surat Edaran JPA(S)324/6/43 Klt.3 (58) bertarikh 2 Disember 1995;
- v. perenggan 15, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006;
- vi. perenggan 10, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2005; dan
- vii. perenggan 27, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007.

## **TARI KH KUAT KUASA**

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

## LAMPIRAN A

### PEGAWAI YANG LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA BELUM MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI YANG DIPEROLEHI

Contoh : Pelarasan ke gaji permulaan **selepas** Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)

#### **Pensyarah Universiti Gred DS45**

Gaji permulaan Sarjana	:	RM3,070
Gaji permulaan PhD	:	RM3,380.37
Kadar KGT DS45	:	RM255
Tarikh Lantikan	:	22 Jun 2020
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 April

Pensyarah Universiti Gred DS45 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Perakaunan. Pegawai memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Perakaunan pada 1 Jun 2021.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Februari 2018	-	Pegawai memulakan pengajian PhD
22 Jun 2020	3,070	Pegawai dilantik ke Gred DS45 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 April 2021	3,325 (3,070 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
<b>1 Jun 2021</b>	<b>3,380.37 (3,325 + 55.37)</b>	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (PhD).  Gaji akhir pegawai (RM3,325) adalah lebih rendah dari gaji permulaan PhD (RM3,380.37) sebanyak RM55.37.  Pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai belum melepasi gaji permulaan PhD.  TPG pegawai tidak berubah.
1 April 2022	3,635.37 (3,380.37 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.

## LAMPIRAN B

### PEGAWAI YANG DIAWALKAN PEMBERIAN PGT DAN LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA BELUM MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI

Contoh : Pelarasan gaji permulaan **sebelum** Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)

#### **Pensyarah Universiti Gred DS45**

Gaji permulaan Sarjana	:	RM3,070
Gaji permulaan PhD	:	RM3,380.37
Kadar KGT DS45	:	RM255
Tarikh Lantikan	:	12 Oktober 2020
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 Oktober

Pensyarah Universiti Gred DS45 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Perakaunan. Pegawai memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD) Perakaunan pada 1 Ogos 2021.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Mei 2018	-	Pegawai memulakan pengajian PhD
12 Oktober 2020	3,070	Pegawai dilantik ke Gred DS45 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
<b>1 Ogos 2021</b>	<b>3,325 (3,070 + 255)</b>	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (PhD).  <b>TPG pegawai diawalkan ke tarikh pegawai memperolehi kelayakan akademik yang lebih tinggi. Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.</b>
	<b>3,380.37 (3,325 + 55.37)</b>	Gaji akhir pegawai (RM3,325) adalah lebih rendah dari gaji permulaan PhD (RM3,380.37) sebanyak RM55.37.  <b>Pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai belum melepas gaji permulaan PhD.</b>
1 Oktober 2022	3,635.37 (3,380.37 + 255)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM. TPG pegawai kekal pada 1 Oktober.

## LAMPIRAN C

### PEGAWAI YANG DIAWALKAN PEMBERIAN PGT TETAPI TIDAK LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA TELAH MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI

#### **Pegawai Penyelidik Gred Q41**

Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,833.78
Gaji permulaan PhD	:	RM3,145.11
Kadar KGT Q41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	20 November 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 Oktober

Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang dilantik dengan kelayakan Ijazah Sarjana Sains. Pegawai memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD) pada 1 Mei 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
20 November 2019	2,833.78	Pegawai dilantik ke Gred Q41 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 Oktober 2020	3,058.78 (2,833.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
1 Mei 2021	3,283.78 (3,058.78 + 225)	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). <b>TPG pegawai diawalkan ke tarikh pegawai memperolehi kelayakan akademik yang lebih tinggi.</b> <b>Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.</b>
	3,283.78	Gaji akhir pegawai (RM3,283.78) adalah lebih tinggi dari gaji permulaan PhD (RM3,145.11). <b>Tiada pelarasan gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai telah melepassi gaji permulaan PhD.</b>
1 Oktober 2022	3,508.78 (3,283.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM. TPG pegawai kekal pada 1 Oktober.

## LAMPIRAN D

### PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MENERIMA PELARASAN GAJI KERANA GAJI AKHIRNYA TELAH MELEPASI GAJI PERMULAAN KELAYAKAN AKADEMIK LEBIH TINGGI YANG DIPEROLEHI

#### **Pegawai Penyelidik Gred Q41**

Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,833.78
Gaji permulaan PhD	:	RM3,145.11
Kadar KGT Q41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	20 April
2020 Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 April

Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang dilantik dengan kelayakan Sarjana Sains pada 20 April 2020. Pegawai memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD) pada 1 Mei 2023.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
20 April 2020	2,833.78	Pegawai dilantik ke Gred Q41 ditawarkan gaji permulaan ijazah sarjana.
1 September 2020	2,833.78	Pegawai memulakan pengajian PhD/ditawarkan pembiayaan pengajian
1 April 2021	3,058.78 (2,833.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
1 April 2022	3,283.78 (3,058.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
1 April 2023	3,508.78 (3,283.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.
<b>1 Mei 2023</b>	<b>3,508.78</b>	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (PhD). Gaji akhir pegawai (RM3,508.78) adalah lebih tinggi dari gaji permulaan PhD (RM3,145.11).  <b>Tiada pelarasang gaji diberikan kerana gaji akhir pegawai telah melepas gaji permulaan PhD.</b>
1 April 2024	3,733.78 (3,508.78 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM. TPG pegawai kekal pada 1 April.

## LAMPIRAN E

### PEGAWAI YANG LAYAK MENERIMA HADIAH PERGERAKAN GAJI

#### Pegawai Psikologi Gred S41

Gaji permulaan Ijazah Sarjana Muda Psikologi	:	RM2,281.86
Gaji permulaan Sarjana	:	RM2,690.70
Kadar KGT S41	:	RM225
Tarikh Lantikan	:	2 Mei 2018
Tarikh Pergerakan Gaji	:	1 April

Pegawai Psikologi Gred S41 melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana dalam bidang psikologi klinikal pada 10 September 2019 dan tamat pengajian pada 18 Jun 2021. Tarikh Senat Universiti meluluskan pengurniaan Ijazah Sarjana Psikologi Klinikal adalah pada 8 Ogos 2021.

Tarikh	Gaji (RM)	Catatan
2 Mei 2018	2,281.86	Pegawai dilantik ke Gred S41 ditawarkan gaji permulaan Ijazah Sarjana Muda Psikologi.
1 April 2019	2,506.86 (2,281.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
10 September 2019	2,506.86	Pegawai memulakan pengajian Sarjana / ditawarkan pengajian pembiayaan.
1 April 2020	2,731.86 (2,506.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
1 April 2021	2,956.86 (2,731.86 + 225)	Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.
8 Ogos 2021	<b>3,181.86 (2,956.86 + 225)</b>	Pegawai memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi (Ijazah Sarjana) mengikut kelulusan Senat Universiti.  Pegawai layak diberikan <b>satu (1) HPG</b> yang bersamaan dengan 1 KGT (RM225) mengikut perenggan 27, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007 kerana telah memulakan pegajian sebelum 1 Januari 2020.  TPG pegawai berubah ke 1 Julai pada tahun berikutnya.
<b>1 Julai 2022</b>	3,406.86 (3,181.86 + 225)	TPG baru pegawai. Diberi PGT mengikut keputusan JKSM.